

20 APR 1996

Dana

DANA AIDS PAEDIATRIK UNTUK BANTU KANAK-KANAK HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Yayasan AIDS Malaysia (MAF) hari ini melancarkan Dana AIDS Paediatrik (PAF) dalam usahanya membantu dan menjaga kanak-kanak positif HIV dan mereka yang dijangkiti AIDS.

Pengerusi MAF Puan Marina Mahathir berkata PAF bertujuan menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan dan rawatan perubatan kepada kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS dan kaum keluarga mereka.

Ia juga akan diberikan kepada golongan yang terbabit dalam menyebarkan maklumat bagi menyedarkan orang ramai terhadap isu berkaitan dengan AIDS paediatrik serta penyelidikan sosial bagi memperbaiki kualiti hidup kanak-kanak terbabit, kata Marina.

"Kanak-kanak tidak sepatutnya dihalang daripada menikmati peluang pendidikan dan kehidupan biasa alam kanak-kanak hanya kerana adanya HIV dalam hidup mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan PAF di sini hari ini. Ia dilancarkan oleh isteri Menteri Pendidikan Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau yang juga Presiden Majlis AIDS Malaysia beranggapan sokongan terhadap kanak-kanak berkenaan adalah langkah bijak untuk membendung risiko jangkitan kemudian.

Ditanya sama ada MAF menimbang penubuhan rumah khas bagi kanak-kanak seumpama, Marina berkata yayasan itu sedang mengkaji perkara itu kerana mereka tidak mahu kanak-kanak berkenaan diabaikan oleh keluarga mereka.

Menurut Marina, terdapat kira-kira 700 kanak-kanak bawah umur 19 tahun di Malaysia dijangkiti HIV dan jumlah itu dijangka meningkat.

Buat permulaan, Marina berkata yayasan itu akan menganjurkan tayangan filem amal perdana Walt Disney berjudul "Toy Story" pada 12 Mei di Tanjong Golden Village, One Utama Cineplex, Bandar Utama di sini.

Yayasan itu berharap dapat memungut RM500,000 daripada tayangan perdana itu menerusi jualan tiket dan penajaan, kata Marina. Yayasan itu kini mempunyai peruntukan berjumlah RM1 juta.

"Toy Story" ialah filem animasi komputer berukuran penuh yang telah memenangi anugerah akademi bagi pencapaian istimewa dan akan diedarkan ke seluruh dunia pada 23 Mei.

Tiket-tiket dijual dengan harga RM100 untuk dewasa dan RM50 untuk kanak-kanak. Mereka yang berminat dengan tayangan itu boleh menghubungi PAF 03-7581033. --BERNAMA

RHM CR